

KEMPEN PEROLEHAN WARGA EMAS: NIKMATI 3.00% SETAHUN BAGI FD-i 1 BULAN DENGAN AKAUN BANK HLISB

Dikemaskini pada 30 Ogos 2021

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Warga Emas: Nikmati 3.00% setahun bagi FD-i 1 bulan dengan Akaun Bank HLB” (“Kempen”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (kemudian daripada ini disebut “**Bank**”) bermula pada 1 September 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen (“**T&Cs**”) adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada seluruh individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia berumur 50 tahun ke atas yang merupakan Pemegang Akaun Utama Baharu (“**Pelanggan**”) bagi Akaun Sertaan berikut (“**Akaun Sertaan**”):
 - (a) Hong Leong Pay&Save Account-i.
 - (b) Hong Leong Fixed Deposit-i

Hong Leong Pay&Save Account-i dan Hong Leong Fixed Deposit-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah iaitu Tawarruq.
2. Bagi mengelakkan keraguan, “**Pemegang Akaun Utama Baharu**” bermaksud Pelanggan yang tidak mempunyai mana-mana Akaun Sertaan dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka mana-mana Akaun Sertaan semasa Tempoh Kempen.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Hong Leong Bank (HLB)/HLISB atau telah diisytiharkan bankrap (menurut petisyen oleh Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga atau bakal dikenakan prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen) **TIDAK** layak menyertai Kempen.

4. Semua deposit di bawah Kempen ini mestilah “**Dana Baharu**” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “**Dana Baharu**” ditakrif sebagai:
- (a) Wang tunai, Financial Process Exchanges (“**FPX**”), pindahan antara bank yang termasuk IBG, Pindahan Segera dan DuitNow, dana baharu yang diterima melalui pindahan bertelegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Deposit Tetap-i HLISB (“**FD-i**”), Akaun Semasa atau Akaun Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i HLISB (“**CASA/CASA-i**”) sedia ada dan baharu Pelanggan; dan
 - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan.
5. Yang berikut TIDAK dianggap “**Dana Baharu**”:
- (a) FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD-i sedia ada;
 - (b) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada CASA/CASA-I, FD/FD-I yang lain, Akaun Pelaburan Bertempoh-i atau Akaun Pelaburan Am (“**GIA**”); dan
 - (c) Pindahan antara cawangan dalam HLB/HLISB termasuk pindahan pihak ketiga.

KAEDAH KEMPEN

(A) HADIAH DAFTAR

6. Pelanggan MESTILAH memenuhi kriteria yang tertera di bawah (“**Pelanggan Layak**”) supaya berhak mendapat Hadiah Daftar:
- (a) membuka mana-mana Akaun Sertaan semasa Tempoh Kempen di mana-mana cawangan HLB/HLISB dengan meletakkan Amaun Deposit Minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) seperti mana ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah; dan
 - (b) mendaftar dan log masuk HLB Connect App semasa Tempoh Kempen.

Jadual 1

Hadiah Daftar	Amaun Deposit Minimum	Jumlah Peruntukan (Unit)
Beg Jut Beli-belah	RM1,000	5,000

*Jumlah peruntukan (unit) adalah kombinasi peruntukan untuk HLB dan HLISB akaun sertaan.

7. Pemberian Hadiah Daftar adalah bergantung kepada ketersediaan stok, terhad kepada satu (1) Hadiah Daftar bagi setiap Pelanggan Layak sahaja atas dasar siapa cepat dia dapat tanpa mengira bilangan Akaun Sertaan baharu yang dibuka oleh Pelanggan Layak itu. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak akan menerima Hadiah Daftar pada masa itu juga daripada cawangan Bank tempatan masing-masing apabila membuka Akaun Sertaan baharu dengan peletakan Amaun Deposit Minimum.

(B) PROMOSI FD-i WARGA EMAS (“PROMOSI FD-i”)

8. Di samping Hadiah Daftar, Pelanggan Layak juga berhak menikmati Kadar FD-i Promosi satu (1) kali dengan peletakan FD-i seperti yang tertera dalam Jadual 2 semasa Tempoh Kempen atau apabila Had Saiz Dana tercapai seperti yang ditetapkan dalam Jadual 2 di bawah, mengikut mana yang dahulu, melainkan diberitahu sebaliknya.
9. Untuk berhak menikmati Kadar FD-i Promosi, Pelanggan Layak dikehendaki meletakkan dan mendepositkan amaun antara Amaun Peletakan Minimum dengan Amaun Peletakan Maksimum (“**Amaun Peletakan FD-i**”) ke dalam FD-i Sertaan berkenaan dalam Tempoh FD-i seperti yang ditetapkan dalam Jadual 2 di bawah di mana-mana cawangan Bank, dalam masa satu (1) bulan dari tarikh pembukaan Akaun Sertaan:

Jadual 2

Akaun FD-i Sertaan	Tempoh FD-i	Kadar FD-i Promosi ¹	Amaun Peletakan Minimum	Amaun Peletakan Maksimum	Had Saiz Dana ²
FD-i	1 bulan	3.00% setahun	RM10,000	RM50,000	RM40 Juta

¹ Jika terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), Kadar FD-i Promosi mungkin dipinda.

² aiz dana adalah kombinasi Deposit tetap dan deposit tetap-i

10. Bagi tujuan Promosi FD-i ini, semua Dana Baharu mestilah diletakkan dan didepositkan ke dalam Akaun FD-i Pelanggan Layak dalam masa tujuh (7) hari dari masa adanya Dana Baharu itu.
11. Bagi tujuan Promosi FD-i ini, Pelanggan Layak yang telah memenuhi segala kriteria di bawah Fasal 9 dan Fasal 10 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Berhak FD-i**”.
12. Sekiranya mana-mana Amaun Peletakan FD-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau jika Had Saiz Dana berkenaan tercapai, maka Amaun Peletakan FD-i yang melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana itu akan tertakluk kepada kadar niaga FD-i semasa seperti yang ditentukan oleh Bank.
13. Resit tidak akan dikeluarkan bagi setiap peletakan.
14. Keuntungan yang diperoleh bagi Akaun FD-i Sertaan akan dikreditkan ke dalam CASA-i Sertaan kepunyaan Akaun Pelanggan Berhak itu pada tarikh matang.

15. Apabila matang, Amaun Peletakan FD-i pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar niaga FD-i semasa masing-masing dan faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA-i Akaun Sertaan Pelanggan Berhak itu pada tarikh matang.
16. Tertakluk kepada Fasal 17 di dalam ini, bagi FD-i, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD-i dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Akan tetapi, sekiranya amaun dalam FD-i itu kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian bagi akaun tersebut tidak dibenarkan.
17. Sekiranya Amaun Peletakan FD-i dikeluarkan sebelum matang Tempoh FD-i itu, sama ada keseluruhan atau sebahagian, maka keuntungan tidak akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang FD-i itu, tanpa mengira bilangan bulan genap pada masa pengeluaran pramatang itu dibuat.
18. Bank berhak memotong dan mendebit amaun setara dengan keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Berhak FD-i itu bagi Amaun Peletakan FD-i yang dikeluarkan pramatang daripada Amaun FD-i pokok pada masa pengeluaran dibuat.
19. Pelanggan yang melangani produk-produk FD-i dianggap telah bersetuju menyetujui haknya untuk menuntut harga jualan penuh bagi apa-apa pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang.
20. Amaun Peletakan FD-i TIDAK boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan mencagarkan apa-apa kemudahan kredit yang didapatkan atau akan didapatkan oleh Pelanggan Berhak
21. Kempen ini TIDAK sah dengan mana-mana promosi lain yang sedang berlangsung yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

UMUM

22. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan bersetuju:

- (a) telah membaca, memahami, menerima dan akan mematuhi T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan lain-lain Terma & Syarat Tertentu bagi Akaun Sertaa;
- (b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan;
- (c) Hadiah Daftar tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan;
- (d) Bank tidak membuat representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah Daftar;
- (e) mengakses Laman Web Bank (www.hlisb.com.my) dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen dan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
- (f) memberi butiran hubungan yang terkini dan tepat, iaitu nombor telefon bimbit dan alamat kepada Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan bagi tujuan Kempen, disebabkan nombor telefon bimbit dan/atau alamat yang tidak tepat/betul; tidak sah diberi oleh Pelanggan atau SMS tidak dapat disampaikan atas apa jua sebab sekalipun; dan
- (g) akan bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

23. Bank berhak:

- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank setelah memberi notis awal, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh Bank; dan
- (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi T&Cs di dalam ini daripada menyertai Kempen ini.

24. T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan Terma & Syarat Tertentu bagi Akaun Sertaa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma & Syarat Tertentu bagi Akaun Sertaa, maka T&Cs di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

25. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

26. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.